



TINJAUAN stesen minyak berkaitan RON 95 dan RON 97 susulan kerajaan menangguhkan PSP.

Tangguh dulu PSP

Kabinet putuskan harga petrol ikut sistem sedia ada

Oleh Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my

Putrajaya

“Kerajaan mengumumkan penangguhan Program Subsidi Petrol (PSP) dijadualkan bermula Januari 2020 sehingga ke satu masa yang akan diumumkan kemudian,” kata

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata, mesyuarat Kabinet pada 18 Disember lalu membuat keputusan bahawa pelaksanaan PSP itu tidak diteruskan.

Sehubungan itu, katanya, rakyat akan terus menikmati harga petrol berdasarkan sistem sedia ada sementara menunggu pengesahan pe-

laksanaan program itu diumumkan.

“Sesi penerangan dan penjelasan diteruskan dengan tujuan memberi kefahaman dan mempersiapkan rakyat menerima pelaksanaan program PSP.

“Proses pendaftaran penerima daripada kelompok M40 yang akan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Saifuddin berkata, kerajaan memperuntukkan RM2.4 bilion bagi PSP dalam Belanjawan 2020 dengan jumlah penerima manfaat seramai lapan juta orang daripada kelompok B40 dan M40.

Pada 7 Oktober lalu kerajaan mengumumkan pelaksanaan PSP bermula Januari 2020 sesuai dengan manifesto Pakatan Harapan (PH).